

**TAHAP PENGGUNAAN STRATEGI PEMBELAJARAN NAHU DAN PENGUASAAN
KATA KERJA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR PENGAJIAN ARAB DI
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**

**[THE USE OF GRAMMAR LEARNING STRATEGIES AND MASTERY OF
ARABIC VERBS AMONG STUDENTS OF ARABIC STUDIES IN MALAYSIAN
INSTITUTIONS OF HIGHER LEARNING]**

NORJUWAINI HANIS JAMALUDDIN^{1*} & HARUN BAHARUDIN¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: p98059@siswa.ukm.edu.my

Received: 14 June 2021

Accepted: 29 June 2021

Published: 30 June 2021

Abstrak: Pembelajaran nahu amat penting untuk dikuasai oleh pelajar yang mempelajari bahasa Arab. Tanpa pengetahuan dan kemahiran nahu, mereka tidak dapat menguasainya dengan baik bahkan akan mewujudkan pelbagai kesalahan tanpa pedoman dalam menyampaikan maklumat sama ada melalui penulisan mahupun komunikasi. Justeru itu, bagi mengelakkan kesalahan terus berlaku, pelajar perlu menggunakan pelbagai strategi bagi meningkatkan penguasaan mereka terhadap nahu khususnya aspek masa kata kerja Arab. Oleh hal demikian, kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penggunaan strategi pembelajaran nahu dalam menguasai aspek masa kata kerja Arab dan tahap penguasaan aspek masa kata kerja Arab dalam kalangan pelajar pengajian arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Seramai 44 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Arab dan Tamadun Islam, UKM telah dipilih secara rawak sebagai reponden. Dapatan kajian mendapati tahap penggunaan strategi pembelajaran nahu dalam kalangan pelajar pengajian arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia dalam menguasai aspek masa kata kerja Arab berada pada tahap sederhana (min = 3.35). Manakala tahap penguasaan aspek masa kata kerja Arab dalam kalangan pelajar pengajian arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia pula berada pada tahap sederhana. Justeru itu, bagi memperbaiki dan meningkatkan penguasaan aspek masa kata kerja Arab, pelajar perlu meningkatkan penggunaan bahasa Arab sama ada di dalam atau di luar kelas, penggunaan strategi pembelajaran nahu dan peningkatan motivasi dalam diri pelajar. Manakala tenaga pengajar pula perlu memainkan peranan dengan meningkatkan kecekapan mereka dalam pengajaran topik tersebut selain daripada menggunakan kaedah dan bahan bantu mengajar yang sesuai bergantung kepada tahap dan keupayaan pelajar.

Kata kunci: Strategi Pembelajaran Nahu, Aspek Masa, Kata Kerja Arab.

Abstract: Grammar Learning is very important to be mastered by students who are learning Arabic. Without knowledge and grammatical skills, they cannot master it well and will even create various errors without guidance in conveying information either through writing or communication. Therefore, in order to prevent further errors, students need to use various strategies to improve their mastery of grammar, especially the timing aspect of Arabic verbs. This study aims to identify the level of use of grammar learning strategies in mastering Arabic verbs and the level mastery of the time aspect of Arabic verbs among students of arabic studies in Malaysian Institutions of Higher Learning. 44 students of the Bachelor of Arabic Studies and Islamic Civilization, UKM were randomly selected as respondents. The results shows that the level of use of grammar learning strategies among students of arabic studies in

Malaysian Institutions of Higher Learning in mastering the time aspect of Arabic verbs in medium frequency (mean = 3.35) and the mastery of the time aspect of Arabic verbs among students of arabic studies in Malaysian Institutions of Higher Learning in medium frequency. Therefore, in order to improve and enhance the mastery of the time aspect of Arabic verbs, students need to increase the use of Arabic either in or outside the classroom, the use of grammar learning strategies and increase motivation in students. While the teaching staff need to play a role by improving their efficiency in teaching the topic other than using appropriate methods and teaching aids depending on the level and ability of students.

Keywords: Grammar Learning Strategies, Time Aspect, Arabic Verbs.

Cite This Article:

Norjuwaini Hanis Jamaluddin & Harun Baharudin. 2021. Tahap Penggunaan Strategi Pembelajaran Nahu dan Penguasaan Kata Kerja Arab dalam Kalangan Pelajar Pengajian Arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia [The Use of Grammar Learning Strategies and Mastery of Arabic Verbs Among Students of Arabic Studies in Malaysian Institutions of Higher Learning]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(2), 86-97.

PENGENALAN

Bahasa Arab merupakan satu bahasa yang digunakan oleh sebahagian penduduk Arab. Bahasa ini dijadikan sebagai bahasa pemikiran, kebudayaan, perniagaan, pendidikan, politik dan kepercayaan kepada satu billion umat islam termasuk negara Malaysia (Zainur Rizal & Rosni Samah, 2007). Pembelajaran bahasa Arab telah lama ditawarkan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Pada awalnya, pembelajaran ini bermula dengan sistem pendidikan pondok yang menawarkan pendidikan agama dan bahasa Arab. Ia dilaksanakan secara tradisonal oleh pelajar aliran agama melalui institusi-institusi pendidikan agama di seluruh negara (Azhar et al. 2006). Kini, pembelajaran bahasa Arab dilaksanakan di peringkat sekolah rendah hingga pengajian tinggi iaitu di universiti-universiti awam yang menawarkan kursus-kursus bahasa Arab sebagai medium utama dalam pembelajaran (Aisyah, 2017).

Namun begitu, untuk menguasai bahasa Arab dari penutur yang bukan jati Arab merupakan perkara yang bukan mudah. Ia memerlukan beberapa strategi pembelajaran yang khusus dan sesuai untuk memudahkan pemerolehan, penyimpanan, pemerolehan semula dan penggunaan maklumat sehingga menjadikan pembelajaran bahasa itu menjadi lebih mudah, cepat, menyeronokkan, sendiri, efektif dan senang dipindahkan ke suasana baru (Oxford, 1990). Oleh sebab itu, penting bagi penutur bukan jati Arab khususnya pelajar yang mengambil bahasa arab sebagai bahasa kedua atau asing mengenal pasti strategi pembelajaran masing-masing (Biekey & Rodman, 1995) (Zamri, 2016). Menurut beberapa orang penyelidik seperti Zamri (2015) dan Griffiths (2003), strategi pembelajaran mempunyai hubungan yang kuat dengan kecemerlangan prestasi bahasa. Ini bermakna pelajar perlu memilih dan mengamalkan strategi pembelajaran yang bersesuaian untuk mempengaruhi pencapaiannya khususnya dalam menguasai bahasa Arab.

Dalam konteks pembelajaran nahu, pelajar perlu diberi pendedahan mengenai strategi pembelajaran nahu. Hal ini bertujuan untuk menjadikan pembelajaran tersebut lebih mudah, menyeronokkan dan efektif. Nahu atau tatabahasa merupakan satu sistem, peraturan dan undang-undang sesuatu bangsa yang diketahui oleh masyarakat penutur (Rahimah dan Rahim

Sham, 1986). Nahu ini dianggap sebagai sendi bahasa yang terdiri daripada aspek fonologi, morfologi dan sintaksis. Oleh kerana itu, nahu bahasa Arab memainkan peranan penting dalam menguasai bahasa Arab sepenuhnya (Ahmad Kilani, 2001).

Kata Kerja Arab merupakan salah satu jenis kosa kata yang terdapat dalam pembelajaran nahu. Kata kerja Arab ini mempunyai unsur makna sekaligus menjadi faktor penting dalam mempengaruhi unsur-unsur perkataan (kalimat). Kewujudan sesuatu kata kerja Arab dalam ayat akan memberi petunjuk mengenai pelaku (fa'il), objek (maf'ul bih), keterangan waktu (maf'ul fih atau zorof zaman), keadaan (hal) dan sebagainya. Selain itu, kata kerja Arab mempunyai aspek masa yang mana terdiri daripada tiga jenis masa iaitu masa lampau, masa kini dan masa depan (Assaqi, 1977). Aspek masa penting kerana ia memberi kesan pada makna ayat. Pembaca dan pendengar dapat memahami makna dengan baik dan jelas dengan adanya aspek masa dalam ayat.

Kata kerja Arab merupakan kayu ukur bagi mengukur kemampuan pelajar dalam menguasai bahasa Arab dengan baik. Berdasarkan kajian lepas yang diselidik oleh Jassem (2000), pelajar lemah dalam menguasai kata kerja Arab dengan baik. Begitu juga kajian yang dibuat oleh Abd Rahman et al. (2010) dan Tuan Nur Izzati (2017), dapatan menunjukkan bahawa pelajar lemah dalam menentukan jenis kata kerja khususnya aspek masa dalam ayat bahasa arab yang mana mereka tidak pasti tentang penggunaannya dalam ayat sedangkan mereka memahami makna ayat tersebut dengan baik. Pelbagai pendedahan pengajian bahasa Arab (Abdul Aziz 1998) khususnya kata kerja telah diterangkan oleh tenaga pengajar dari peringkat rendah, menengah dan tinggi (universiti) akan tetapi pelajar masih lagi lemah dalam menentukannya dengan baik. Justeru itu, kajian ini akan mengenal pasti tentang tahap penggunaan strategi pembelajaran nahu dalam menguasai aspek masa kata kerja Arab dan tahap penguasaan aspek masa kata kerja Arab sama ada masa lampau, masa kini dan masa akan datang dalam kalangan pelajar pengajian arab di institusi pengajian tinggi malaysia.

KAJIAN LITERATUR

Pelajar IPT Malaysia mengalami masalah dalam menguasai penggunaan bahasa Arab (Muhammad, 2009). Mereka bukan sahaja mengalami masalah penggunaan bahasa Arab di dalam bilik darjah bahkan juga di luar bilik darjah (Abdul halim, 2009). Terdapat pelbagai kajian yang menunjukkan tahap penguasaan bahasa Arab pelajar-pelajar Malaysia yang berada pada tahap kurang memuaskan berbanding dengan pembelajaran bahasa kedua atau asing di Malaysia (Nik Mohd Rahimi et al. 2006). Antara kelemahan utama pelajar adalah dalam aspek tatabahasa atau nahu iaitu sintaksis dan morfologi (Che Radiah, 2009). Kelemahan dua elemen tersebut membahayakan kerana ia menjejaskan penguasaan pelajar dalam bahasa Arab. Hal ini bertepatan dengan Singleton (1999:10) dalam bukunya yang menyatakan: "Without grammar very little can be conveyed."

Pembelajaran nahu merupakan satu aspek pembelajaran bahasa secara menyeluruh dan bersepadu. Ia tidak cukup hanya sekadar menghafal ayat-ayat tertentu berdasarkan topik-topik nahu yang terasing dan tersendiri (Ahmad Kilani, 2001). Kesalahan nahu banyak dilakukan oleh pelajar menurut Nurul Huda et al. (2010) berdasarkan kajian-kajian analisis kesilapan nahu daripada pelbagai aspek. Menurut kajian yang dibuat oleh Azani, Azman & Mat Taib (2012), kesalahan struktur bahasa yang sering dilakukan oleh pelajar adalah dari segi penggunaan

subjek dan predikat, kata nama am dan kata nama khas, idhafah, kata tunjuk, kata kerja serta kesalahan morfologi. Selain itu, kesalahan nahu yang dilakukan oleh pelajar adalah dari segi i'rab (fleks), penggunaan isim dhamir (kata ganti nama), penggunaan isim mausul (kata nama hubung), penggunaan huruf mudhara'ah (huruf-huruf kata kerja), penggunaan mufrad-tathniyyah-jama'nya (tunggal, duaan dan plural), penggunaan muzakkar dan muannath (jantina), dan penggunaan al ta'rif (alif dan lam pada kalimah) (Muslikhah Z, 2014).

Kata kerja Arab merupakan salah satu kelemahan dan kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar IPT. Hal ini disahkan oleh kajian Tuan Nur Izzati (2017) yang menunjukkan pelajar universiti tempatan lemah dan mengalami kekeliruan dalam menentukan jenis kata kerja Arab terutamanya dalam menentukan aspek masa kata kerja, kata kerja imperatif, menentukan pola, membezakan kata dasar dan kata berimbuhan, serta menentukan baris kata kerja. Hal ini juga turut dipersetujui oleh Mat Taib (2006) dan Che Radiah (2009). Menurut Muhammad Arif Ali (2015), faktor yang menyebabkan pelajar lemah dalam menentukan jenis kata kerja Arab adalah permasalahan yang wujud dalam silibus pembelajaran kata kerja Arab, permasalahan dari segi bimbingan guru dan perletakan sistem atau teknik dalam menguasai kata kerja Arab. Oleh sebab itu, penggunaan strategi pembelajaran nahu penting dalam mengatasi masalah tersebut. Namun begitu, penggunaan strategi pembelajaran nahu di kalangan pelajar IPT berada pada sederhana (Shiham, 2010).

Dari segi strategi pembelajaran bahasa terdapat pelbagai kajian khususnya bahasa Inggeris seperti (Abraham & Vann, 1987; Chamot & Kupper, 1989; Mohamad Amin, 1996; Radha, 1996; Soars, 1995), bahasa Melayu (Abu Talib, 1998; Mohd Nazali, 1999; Zamri, 2004) dan juga bahasa Arab (Faizahani, 2002; Kamarul Shukri, 2009; Mohd Hamdi, 2008; Mohammad Shiham, 2010; Nurazan, 2004). Namun begitu, kajian berkenaan strategi pembelajaran nahu masih kurang dan belum diterokai oleh kebanyakan penyelidik. Sehubungan itu, penyelidik beranggapan strategi pembelajaran nahu bahasa Arab ini wajar untuk diberi penekanan. Hal ini kerana ia membantu pelajar menguasai bahasa arab dengan baik secara menyeluruh..

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang dijalankan secara kuantitatif. Penyelidik memilih responden daripada pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengajian Arab & Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penyelidik hanya memilih sampel seramai 44 orang pelajar sebagai responden secara rawak daripada penkhususan tersebut.

Instrumen kajian ini ialah soal selidik bertujuan untuk mendapatkan data yang diadaptasi daripada Grammar Learning Strategy Inventory (GLSI) (Pawlak, 2018). Soal selidik ini mempunyai tiga bahagian. Bahagian A berkenaan dengan maklumat diri responden. Bahagian B mengenai strategi pembelajaran nahu yang terdiri daripada empat (4), iaitu strategi metakognitif (6 soalan), strategi kognitif (12 soalan), strategi afektif (6 soalan) dan strategi sosial (4 soalan). Bahagian C merupakan ujian nahu tentang aspek masa kata kerja Arab. Soalan terdiri daripada 20 soalan berbentuk pilihan jawapan.

DAPATAN KAJIAN

Kajian dijalankan bagi mengenal pasti tahap penggunaan strategi pembelajaran nahu dan tahap penguasaan aspek masa kata kerja Arab dalam kalangan pelajar pengajian arab di institusi pengajian tinggi Malaysia. Analisis deskriptif digunakan untuk mengetahui kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi menentukan latar belakang responden, strategi pembelajaran nahu dan aspek masa kata kerja Arab.

Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan seramai 44 orang murid dengan pelbagai latar belakang seperti umur, jantina, semester, pengkhususan, fakulti dan universiti. Latar belakang responden kajian dihuraikan dalam Jadual 1. Jadual 1 menunjukkan berdasarkan umur, seramai 42 orang (95.5%) pelajar berumur 18-25 tahun dan seramai 2 orang (4.5%) pelajar berumur 26-35 tahun. Berdasarkan jantina, seramai 14 orang pelajar lelaki (31.8%) dan seramai 30 orang pelajar perempuan (68.2%). Seterusnya berdasarkan semester, pengkhususan, fakulti dan universiti, kesemua pelajar daripada semester 6 (100%) Pengajian Arab dan Tamadun Islam (100%) Fakulti Pengajian Islam (100%) UKM (100%).

Latar Belakang Responden	Item	Kekerapan	Peratusan (%)
Umur	18 - 25 tahun	42	95.5
	26 - 35 tahun	2	4.5
Jantina	Lelaki	14	31.8
	Perempuan	30	68.2
Semester	Semester 6	44	100.0
Pengkhususan	Pengajian Arab dan Tamadun Islam	44	100.0
Fakulti	Fakulti Pengajian Islam	44	100.0
Universiti	UKM	44	100.0

Jadual 1 Latar Belakang Responden (n = 44)

Tahap Penggunaan Strategi Pembelajaran Nahu Dalam Kalangan Pelajar Pengajian Arab Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

Jadual 2 menunjukkan tahap penggunaan strategi pembelajaran nahu dalam kalangan pelajar pengajian arab di institusi pengajian tinggi Malaysia berdasarkan jenis strategi. Secara keseluruhannya, tahap penggunaan Strategi Pembelajaran Nahu di kalangan pelajar universiti berada pada tahap sederhana dengan min = 3.35 dan sp = 0.66. Min bagi setiap jenis strategi turut dinilai. Bermulanya dengan nilai min antara 3.23 hingga 3.62. Dapatan menunjukkan strategi yang paling kerap digunakan adalah strategi metakognitif dengan nilai min = 3.62 dan sp = 0.80 yang berada pada tahap tinggi. Kemudian, strategi Afektif dengan min = 3.36 dan sp = 0.72, strategi sosial dengan min = 3.28 dan sp = 0.79, dan strategi kognitif dengan min = 3.23

dan $sp = 0.69$ pula menunjukkan berada pada tahap sederhana. Justeru itu, kajian ini mendapati terdapat satu sahaja jenis strategi yang tinggi penggunaannya iaitu strategi metakognitif. Manakala strategi afektif, sosial dan kognitif berada pada tahap kekerapan sederhana. Dapatan juga membuktikan bahawa tiada salah satu jenis strategi pembelajaran nahu yang berada pada tahap rendah.

Jadual 2 Piawai Tahap Penggunaan Strategi Pembelajaran Nahu Mengikut Jenis Strategi (n=44)

Jenis Strategi	Min	SP	Interpretasi
Metakognitif	3.62	0.80	Tinggi
Afektif	3.36	0.75	Sederhana
Sosial	3.28	0.79	Sederhana
Kognitif	3.23	0.69	Sederhana
Keseluruhan	3.35	0.66	Sederhana

Tahap Penguasaan Aspek Masa Kata Kerja Arab Dalam Kalangan Pelajar Pengajian Arab Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

Jadual 3 menunjukkan tahap penguasaan aspek masa kata kerja Arab dalam kalangan pelajar pengajian arab di institusi pengajian tinggi Malaysia. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat tahap sederhana, tinggi dan rendah. Soalan kajian pula yang telah dijawab sebanyak 20 soalan tentang aspek masa kata kerja Arab. Seramai 44 orang pelajar yang menjawab soalan dan telah dikira permarkahannya berdasarkan berapa bilangan pelajar yang betul dan salah. Berdasarkan dapatan kajian, ia menunjukkan nilai markah, iaitu sebanyak 10 markah adalah seramai 9 orang pelajar (50%), nilai 13 markah adalah seramai 7 orang pelajar (65%), nilai 12 markah adalah seramai 6 orang pelajar (60%), dan nilai 11 markah adalah seramai 4 orang pelajar (55%). Dapatan ini menunjukkan tahap penguasaan pelajar universiti terhadap aspek masa kata kerja Arab berada pada tahap sederhana.

Manakala tahap penguasaan bagi tahap tinggi pula adalah bagi nilai 14 markah iaitu seramai 3 orang pelajar (70%), nilai 15 markah bagi 1 orang pelajar (75%), dan nilai 16 markah bagi 1 orang pelajar (80%). Seterusnya, tahap penguasaan bagi tahap rendah pula adalah bagi nilai 9 markah untuk 5 orang pelajar (45%), nilai 8 markah untuk 4 orang pelajar (40%), nilai 6 markah untuk 2 orang pelajar (30%), nilai 7 markah untuk 1 orang pelajar (35%), dan nilai 5 markah untuk 1 orang pelajar (25%).

Oleh hal demikian, secara keseluruhan penyelidik mendapati tahap penguasaan aspek masa kata kerja Arab dalam kalangan pelajar pengajian arab di institusi pengajian tinggi Malaysia berada pada tahap sederhana iaitu seramai 26 orang. Kemudian, diikuti dengan tahap rendah seramai 13 orang dan terakhir sekali tahap tinggi iaitu seramai 5 orang.

Jadual 3 Tahap Penguasaan Aspek Masa Kata Kerja Arab (n=44)

Markah (n/20)	Kekerapan (n)	Jumlah Keseluruhan Markah 100%	Tahap
5	1 (5%)	25%	Rendah
6	2 (10%)	30%	Rendah
7	1 (5%)	35%	Rendah
8	4 (20%)	40%	Rendah
9	5 (25%)	45%	Rendah
10	9 (45%)	50%	Sederhana
11	4 (20%)	55%	Sederhana
12	6 (30%)	60%	Sederhana
13	7 (35%)	65%	Sederhana
14	3 (15%)	70%	Tinggi
15	1 (5%)	75%	Tinggi
16	1 (5%)	80%	Tinggi

PERBINCANGAN

Tahap Penggunaan Strategi Pembelajaran Nahu Dalam Kalangan Pelajar Pengajian Arab Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa tahap penggunaan strategi pembelajaran nahu dalam kalangan pelajar pengajian arab di institusi pengajian tinggi Malaysia dalam menguasai aspek masa kata kerja Arab berada pada tahap sederhana (min = 3.35). Dapatan kajian ini sama dengan dapatan kajian Pawlak (2018); Tilfarlioglu (2005); Supian (2003); Mohamed Amin, Jariah & Mohd Isa (1998); Nurazan (2004); Kamarul Shukri (2009); Mohamad Shiham (2010); Suhaidah et al. (2014); dan Tuan Nur Izzati (2017).

Terdapat beberapa faktor utama yang mempengaruhi dapatan kajian. Antaranya ialah tahap penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti adalah rendah (Kamarul

Shukri, 2009). Hal ini demikian berlaku berpunca daripada kurangnya suasana bahasa (Siti Saudah Hassan, 1994) dan interaksi bahasa Arab di kalangan tenaga pengajar dan rakan-rakan sama ada di dalam kelas mahupun di luar kelas. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian (Nik Rahimi, 1999) yang menunjukkan bahawa hanya 5% pelajar yang menggunakan bahasa Arab komunikasi dengan tenaga pengajar bahasa Arab dan 1.7% pelajar sahaja yang bertutur sesama mereka. Akibat daripada itu, pelajar tidak dapat menggunakan pelbagai strategi pembelajaran nahu seperti strategi metakognitif, kognitif, afektif dan sosial dalam menguasai bahasa Arab khususnya aspek masa kata kerja Arab. Semakin kurang pelajar menggunakan bahasa Arab semakin rendah penguasaan nahu pelajar khususnya aspek masa kata kerja Arab. Hal ini demikian menurut Kamaruddin (1996) dan Kamarul Shukri (2009), pelajar yang jarang menggunakan bahasa Arab menyebabkan pelajar kurang menggunakan strategi pembelajaran nahu berbanding pelajar yang kerap menggunakan bahasa sasaran (Philips, 1991).

Faktor kedua ialah motivasi pelajar universiti. Mereka beranggapan bahasa Arab adalah susah khususnya nahu bahasa Arab (Zainal Abidin, 1986). Antara aspek nahu yang sering pelajar melakukan kesilapan adalah penguasaan kata kerja Arab. Pelajar lemah dalam menentukan kata kerja khususnya aspek masa, perubahan makna dengan penambahan huruf serta perubahan kata kerja dari sudut bilangan dan gender (Hashim, 2009). Menurut Osman Khalid (1993), pelajar kurang berminat untuk mempelajari nahu sehingga mereka malas berusaha disebabkan oleh tahap motivasi mereka yang rendah. Hal ini menyebabkan tidak ramai pelajar yang mengambil kesempatan untuk menggunakan pelbagai kemudahan yang disediakan untuk mempelajari nahu seperti makmal bahasa, filem, majalah, akhbar dan terbitan berkala dalam bahasa Arab. Motivasi pelajar sangat penting. Tenaga pengajar perlu memainkan peranan dalam menaikkan motivasi pelajar. Hal ini merupakan aspek utama untuk meningkatkan pencapaian dan penguasaan pelajar dalam nahu khususnya aspek masa kata kerja Arab dari segi penulisan mahupun pertuturan.

Strategi metakognitif ialah teknik-teknik yang membantu mengatur dan merancang pembelajaran secara sendiri. Strategi ini membantu pelajar mengawal pembelajaran dan menolong mereka memfokus apabila terdapat pengetahuan yang baru. Dapatan kajian menunjukkan pelajar amat tinggi menggunakan strategi metakognitif ini dalam memahami aspek masa kata kerja berbanding dengan strategi lain seperti kognitif, afektif dan sosial. Antara jenis strategi metakognitif yang sering dilakukan oleh pelajar ialah merujuk formula nahu, merujuk struktur nahu dari penuturan, penulisan dan pendengaran, mengenal pasti kekurangan diri dan mencari objektif sebenar mempelajari kata kerja Arab khususnya aspek masa. Hal ini membuktikan bahawa pelajar berusaha menggunakan strategi metakognitif untuk memahami dan menguasai aspek masa kata kerja dengan baik berdasarkan cara yang dirancang dan disusun oleh mereka. Namun begitu, dapatan kajian ini tidak sama dengan dapatan kajian yang diselidik oleh Radha dan Noraini (2008) tentang tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Inggeris dalam menguasai kemahiran membaca. Pelajar tidak begitu gemar menggunakan strategi metakognitif. Hal ini sangat membimbangkan kerana para pelajar dilihat seperti tidak memberi tumpuan kepada proses pembelajaran. Sekaligus menyebabkan pelajar tidak dapat membaca teks dengan baik.

Tahap Penguasaan Aspek Masa Kata Kerja Arab Dalam Kalangan Pelajar Pengajian Arab Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa tahap penguasaan aspek masa kata kerja Arab dalam kalangan pelajar pengajian arab di institusi pengajian tinggi Malaysia berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian ini sama dengan kajian yang dibuat oleh Hashim (2009), Jassem (2000) dan Munirah (2011).

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi dapatan kajian. Antaranya ialah pelajar tidak memahami konsep kata kerja. Hal ini disahkan oleh kajian Munirah (2011) yang menunjukkan bahawa pelajar mengalami kelemahan dalam mengenal pasti dan menentukan konsep kata kerja. Begitu juga kajian yang diselidik oleh Tuan Nur Izzati (2017) yang menunjukkan pelajar mengalami kekeliruan dalam mengenal pasti jenis kata kerja Arab terutamanya dalam menentukan aspek masa kata kerja, kata kerja imperatif, menentukan pola, membezakan kata dasar dan kata berimbuhan, serta menentukan baris kata kerja. Selain itu, pelajar juga mengalami kekeliruan dalam menentukan kata kerja dari segi perubahan makna dengan penambahan huruf serta perubahan kata kerja dari sudut bilangan dan gender (Hasyim 2009).

Selain itu, faktor kedua ialah kaedah pengajaran tenaga pengajar. Kaedah pengajaran penting dalam merealisasikan objektif pelajaran. Dalam pengajaran bahasa Arab khususnya aspek masa kata kerja Arab, ia memerlukan kaedah yang sesuai, menarik dan efektif untuk meningkatkan penguasaan pelajar. Menurut Mohammad Abdillah, Miss Asma & Zamri Arifin, (2014), semakin tinggi pedagogi tenaga pengajar, semakin tinggi penguasaan dan pencapaian pelajar dalam bahasa Arab.

Seterusnya, penggunaan bahan bantu mengajar oleh tenaga pengajar. Dapatan kajian Muhammad et al. (2018) menunjukkan tahap penggunaan bahan bantu mengajar di kalangan tenaga pengajar bahasa Arab menunjukkan berada pada tahap sederhana rendah. Hal ini mempengaruhi pelajar lalu mengakibatkan pelajar tidak dapat menguasai nahu dengan baik. Bahan bantu mengajar penting untuk meningkatkan kefahaman pelajar. Hal ini disokong oleh Tan & Carol (2013) yang mengatakan bahawa penggunaan alat bantu mengajar dapat memberi impak positif dalam meningkatkan kefahaman pelajar khususnya topik aspek masa kata kerja Arab.

Aspek masa kata kerja Arab terbahagi kepada tiga bahagian iaitu masa lepas, kini dan akan datang. Ia bukan sahaja bergantung kepada bentuk (wazan) perkataan bahkan juga bergantung kepada konteks ayat. Masa lepas menggunakan kata kerja Arab فعل الماض. Manakala masa kini dan akan datang menggunakan kata kerja Arab فعل المضارع. Menurut kajian Muhammad Arif Ali (2015), beliau menerangkan formula mudah untuk memahami aspek masa kata kerja Arab. Beliau telah membahagikan formula konsep aspek masa kepada 16 bahagian menggunakan ayat penetapan dan ayat penafian.

Untuk masa lepas, beliau membahagikan kepada empat bahagian iaitu البسيط (mudah), القريب (dekat), التجدد (dari dulu sehingga sekarang), الاستمرار (berterusan). Manakala untuk masa kini, beliau membahagikan kepada dua bahagian iaitu البسيط (mudah) dan العادة (berulang-ulang, kebiasaan). Manakala masa akan datang pula, beliau membahagikan kepada dua bahagian juga iaitu البسيط (mudah) dan المحتمل (kemungkinan). Berdasarkan dapatan kajian ini bagi aspek masa lalu, pelajar menguasai dengan baik bahagian masa البسيط (mudah) dari segi ayat penetapan dan

ayat penafian, القريب (dekat) dari segi ayat nafi, dan التجدد (dari dulu sehingga sekarang) bagi ayat penetapan. Namun begitu, pelajar mengalami kesukaran pada ayat penetapan القريب (dekat) dan الاستمرار (berterusan). Selain itu, pelajar juga mengalami kesukaran pada ayat penafian التجدد (dari dulu sehingga sekarang) dan الاستمرار (berterusan). Manakala aspek masa kini pula, pelajar menguasai dengan baik bahagian masa البسيط (mudah) dan العادة (berulang-ulang, kebiasaan) sama ada ayat penetapan mahupun ayat penafian. Seterusnya, aspek masa akan datang. Pelajar menguasai dengan baik bahagian masa البسيط (mudah) bagi ayat penetapan dan ayat penafian. Namun begitu, bagi ayat penetapan dan ayat penafian المحتمل (kemungkinan), pelajar mengalami kesukaran dalam menguasainya dengan baik.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, tahap penggunaan strategi pembelajaran nahu dalam menguasai aspek masa kata kerja Arab dalam kalangan pelajar pengajian arab di institusi pengajian tinggi Malaysia berada pada tahap sederhana. Manakala tahap penguasaan aspek masa kata kerja Arab dalam kalangan pelajar pengajian arab di institusi pengajian tinggi Malaysia menunjukkan berada pada tahap sederhana. Justeru itu, bagi memperbaiki dan meningkatkan penguasaan aspek masa kata kerja Arab, pelajar perlu meningkatkan penggunaan bahasa Arab sama ada di dalam atau di luar kelas, penggunaan strategi pembelajaran nahu dan peningkatan motivasi dalam diri pelajar. Manakala tenaga pengajar pula perlu memainkan peranan dengan meningkatkan kecekapan mereka dalam pengajaran topik tersebut selain daripada menggunakan kaedah dan bahan bantu mengajar yang sesuai bergantung kepada tahap dan keupayaan pelajar

RUJUKAN

- Abdul Aziz Musa. 1998. Pengajaran Nahu Bahasa Arab : Satu Kajian Kes di Maahad Muhammadi. Kota Bharu. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdul Talib Abdullah. 1998. Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 Daerah Johor Bahru. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Bloom, B., Englehart, M., Furst, E., Hill, W. & Krathwohl, D.. 1996. *Taxonomy of Educational Objectives: The Classification of Educational Goals*. Handbook I: Cognitive Domain. New York, Toronto: Longmans, Green.
- Che Kamarudin Kamel Che Muhammad. 1999. Satu Kajian Penguasaan Nahu Bahasa Arab Peringkat Menengah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Arab. Tesis Sarjana. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Che Radiah Mezah. 1995. Kesilapan Bahasa Dalam Karangan Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu. Tesis Sarjana. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Che Radiah Mezah. 2009. *Kesilapan Leksikal dalam Pembelajaran Bahasa Arab Universiti Putra Malaysia Serdang Selangor*.
- Cohen, A. D. 2012. *L2 learner strategies*. In E. Hinkel (Ed.), *Handbook of research in second language teaching and learning* (Vol. II, pp. 681-698). London and New York: Routledge.

- Cohen, A. D. 2014. *Strategies in learning and using a second language*. London and New York: Routledge.
- <http://studentsrepo.um.edu.my/3415/6/Bab3.pdf>
- <https://www.slideshare.net/wmkfirdaus/pensampelan>
- <https://www.ukm.my/fpi/vision-mission-and-objective-3/>
- Hasyim Mat Zin. 2009. Penguasaan Kata Kerja Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah : Satu Kajian Kes. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Ku Fatahiyah, Wazzalnab & Farah. 2007. *Tahap Kemahiran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Berbantuan Mufradat dan Uslub al-Quran*. Tinta Artikulasi Membina Ummah (3), 2017 14-25.
- Tuan Nur Izzati. 2017. Penentuan Kata Kerja Bahasa Arab Melalui Strategi Pembelajaran Tatabahasa dalam Kalangan Pelajar Universiti. Tesis. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Jassem, J.A.. 2000. *Study On Second Language Learners of Arabic: An Error Analysis Approach*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen
- Kamarul Shukri Mat Teh. 2009. Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Kamarul Shukri, Mohamed Amin, Nik Rahimi & Zamri Mahmood. 2009. Strategi Metafizik: Kesenambungan Penerokaan Domain Utama Pembelajaran Bahasa. *Gema Online, Journal Of Studies*, 9(2): 1-13.
- Muhammad Mustafa. 1995. Masalah Dalam Pembelajaran Nahu Arab. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nik Mahfuzah. 2013. Penguasaan Kemahiran Mendengar Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Menengah Rendah Agama. Tesis. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Noor Suraiya & Fazal Mohamed. 2018. Kala dalam Bahasa Arab: Analisis Program Minimalis. *Jurnal Wawancara Sarjana*. 2(2):1-13.
- Nurazan Mohamad Rouyan. 2004. Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Pembelajaran Bahasa Arab : Kajian Di Kuza. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Oxford. 1993. Language Learning Strategies in Nutshell. Update and ESL suggestions. *TESOL Journal*, 2(2): 18-22.
- Oxford, R. & Burry-Stock, J. A. 1995. Assessing the use of language learning strategies worldwide with the ESL /EFL version of the strategy inventory for language learning. *System*, 23(2): 153-175.
- Oxford, R. L. 1993. *Research update on teaching L2 listening*. *System*, 21(2), 205-211.
- Oxford, R.L. 1990. *Language learning strategies*. USA: Heinle and Heinle Publishers.
- Oxford, R.L. 1990. *Language learning strategies: What every teacher should know*. New York: Newbury House.
- Oxford, R. L., & Nyikos, M. 1989. Variables Affecting Choice Of Language Learning Strategies By University Students. *Modern Language Journal*, 73: 291-300

- Pawlak. 2018. *Grammar Learning Strategy Inventory (GLSI): Another Look*. Department of English Studies, Faculty of Pedagogy and Fine Arts, Adam Mickiewicz University, Kalisz SSSLT 8(2): 351-379
- Pawlak, M. 2006. *The Place Of Form-Focused Instruction In The Foreign Language Classroom*. Poznan – Kalisz: Adam Mickiewicz University Press.
- Pawlak, M. 2008. *Advanced Learners' Use Of Strategies For Learning Grammar: A Diary Study*. In M. Pawlak (Ed.), *Investigating English language learning and teaching* (pp. 109-125). Poznań – Kalisz: Adam Mickiewicz University Press.
- Pawlak, M. 2009a. *Grammar Learning Strategies And Language Attainment: Seeking A Relationship*. *Research in Language*, 7: 43-60.
- Pawlak, M. 2009b. *Investigating Grammar Learning Strategies: In Search Of Appropriate Research Tools*. Paper presented at the 19th Conference of the European Second Language Association, Cork, 2-5 September.
- Pawlak, M. 2011a. *Research Into Language Learning Strategies: Taking Stock And Looking Ahead*. In J. Arabski & A. Wojtaszek (Eds.), *Individual differences in SLA* (pp. 17-37). Bristol: Multilingual Matters.
- Pawlak, M. 2011b. *Investigating The Link Between The Use Of Grammar Learning Strategies And Language Attainment*. Paper presented at an international conference Topics in applied linguistics, Opole, 14-16 November.
- Pawlak, M. 2012. *Instructional Mode And The Use Of Grammar Learning Strategies*. In M. Pawlak (Ed.), *New perspectives on individual differences in language learning and teaching* (pp. 263-287). Heidelberg - New York: Springer.
- Pawlak, M. 2013. *Researching Grammar Learning Strategies: Combining The Macro And Micro Perspective*. In Ł. Salski, W. Szubko-Sitarek, & J. Majer (Eds.), *Perspectives on foreign language learning* (pp. 191-220). Łódź, Poland: University of Łódź Press.
- Pawlak, M. 2014. *Error Correction In The Foreign Language Classroom: Reconsidering The Issues*. Heidelberg- New York: Springer.
- Rubin, J. 1975. *What The "Good Language Learner" Can Teach Us*. *TESOL Quarterly*, 9: 41-51.
- Suhaidah Abdul Samat, Sofian Abdullah & Kamarulzaman Abdul Ghani. 2014. *Penggunaan Strategi Pembelajaran Nahu Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama di Negeri Perak*. Special Issue of ICTED. *The Online Journal of Islamic Education*.
- Tajudin Nur. 2018. *Penyataan Kala dan Aspek Dalam Bahasa Arab: Analisis Semantik Verba*. *Journal of Arabic Studies*, 3(1): 35-51.
- Tilfarlioğlu, Y. 2005. *An Analysis Of The Relationship Between The Use Of Grammar Learning Strategies And Student Achievement At English Preparatory Classes*. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 1: 155-169.